

Keganasan Israel dekatkan bukan Muslim kepada Islam

Oleh Farhana Abd Hamid
bhrencana@bh.com.my

Sudah lebih sebulan serangan rejim Zionis ke atas Gaza hingga meragut nyawa lebih 13,000 orang awam, termasuk hampir separuhnya kanak-kanak tetapi perang Palestin-Israel dilihat seakan tiada noktahnya.

Malah, tentera Israel terus bermaharajalela melancarkan serangan darat, termasuk operasi ke atas Hospital Al-Shifa di Gaza hingga menyebabkan kakitangan dan pesakit terpaksa meninggalkan kompleks kesihatan itu termasuk 31 bayi pramatang terpaksa dipindahkan ke selatan 'penjara terbuka terbesar di dunia' itu meskipun tanpa bantuan alat perubatan.

Realitinya, serangan Angkatan Pertahanan Israel (IDF) menyasarkan kawasan padat dengan orang awam tidak berdosa hingga sebahagian jasad rakyat Palestin tidak dapat dikenal pasti kerana hancur menjadi cebisan daging.

Tidak hanya kawasan kediaman, masjid, rumah ibadat, hospital dan institusi pendidikan, dunia turut digemparkan siri serangan udara IDF di be-

berapa kem pelarian Gaza. Kem Jabalia yang menjadi kem pelarian terbesar juga tidak terkecuali.

Namun di sebalik pelbagai keganasan dilakukan rejim Zionis itu, ia tidak mampu meruntuhkan penganut agama dianuti rakyat Palestin yang majoriti daripada 2.3 juta populasi adalah Muslim.

Kecekan rakyat Palestin

Tragedi pembunuhan beramai-ramai ternyata tidak dapat menggoyahkan iman mereka walaupun tidur malam diselimuti peluru berpandu bertebaran di langit.

Malah sebaliknya, hasil tinjauan di media sosial, terdapat sebilangan penganut bukan Islam mula tertarik untuk mendalami agama ini. Ia didorong kecekan rakyat Palestin kental memperjuangkan kedaulatan negara dan agama. Malah, rata-ratanya tidak takut akan kematian walhal mereka hampir kehilangan segala-galanya.

Bertitik tolak daripada itu, ramai penganut bukan Islam mula mengkaji kitab suci al-Quran. Sebahagian turut memeluk agama Islam selepas mendapati isi kandungan al-Quran adalah melangkaui batas pengetahuan manusia. Kehilangan ribuan nyawa rakyat Palestin tanpa disedari mula meng-

hidupkan banyak jiwa mati.

Dalam pada itu, ekonomi Israel dilaporkan mula merosot hingga mengakibatkan penyusutan nilai mata wang shekel. Ini adalah susulan tindakan boikot produk Israel dan syarikat menyumbang hasil secara langsung kepada mereka. Boikot turut memberi kesan positif kepada jenama tempatan apabila permintaan pengguna semakin melonjak.

Di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah pula, ratusan ribu rakyat mereka turut melakukan protes dan boikot walaupun majoritinya beragama Kristian dan Judaisme. Kerajaan mereka terang-terangan memberi dana dan sokongan ketenteraan kepada rejim Zionis. Protes dilakukan atas kesedaran memperjuangkan hak manusia sejagat dan gesaan untuk Israel melakukan gencatan senjata.

Beberapa negara Amerika Latin seperti Chile, Colombia dan Bolivia turut mengumumkan untuk memutuskan hubungan diplomatik dengan Israel atas bantahan keganasan dilakukan.

Hakikatnya, jenayah kemanusiaan rejim Israel menjadi pemangkin penyatuan umat di segenap pelosok dunia tanpa mengira agama mahupun bangsa. Malangnya, berita seperti ini sering kali diputar belit dalam media barat yang pro-Israel.



Pensyarah
Universiti Tun
Hussein Onn
Malaysia (UTHM)